

info

usahawan

issue
1/21

nota minda masmed

penjenamaan
semula

fenomena
zamsaham

elon musk.

VISIONARI
MEREVOLUSI
DUNIA

9 771823 642005

ISSN 1823-6421



usahawan muda peluang, cabaran & kejayaan

Noor Afida Abu Bakar
Quadra Element Sdn Bhd

Dewasa ini, semakin ramai golongan muda yang berusaha untuk menggapai impian dan mendepani cabaran dengan menceburi bidang perniagaan dalam pelbagai pilihan sektor, namun diakui, bukan semua yang mampu mengharungi ranjau hingga ke akhirnya. Pelbagai onak dan duri perlu diatasi namaun sekiranya kita sabar, peluang dan kejayaan pasti ada. Saya merupakan Alumni UiTM Dungun, Terengganu di mana saya menamatkan pelajaran dalam bidang Diploma Pengurusan Perniagaan pada tahun 2004 dan kemudiannya di peringkat Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Operasi dua tahun kemudiaannya, juga di UiTM Terengganu Kampus Dungun. Setelah menamatkan pengajian, saya mula bekerja dalam bidang berkaitan dan diberi peluang untuk mendalami selok belok mengenai bidang pengurusan operasi berkaitan farmaseutikal.

Saya dapat merasakan peluang untuk saya memulakan perniagaan apabila saya telah menimba pengalaman yang agak mendalam dan diberikan kepercayaan sepenuhnya untuk mengatasi apa jua permasalahan perniagaan yang dihadapi oleh syarikat tempat saya bekerja. Berbekalkan lapan (8) tahun pengalaman bekerja di dalam bidang pengurusan

operasi syarikat dan pengetahuan luas dalam bidang farmaseutikal dan kosmoseutikal, saya mendapat inspirasi untuk menubuhkan syarikat perniagaan sendiri iaitu Quadra Element Sdn Bhd. Bermula dengan syarikat milikan tunggal yang didaftarkan pada tahun 2010 kemudian pada tahun 2016 saya telah mendaftarkan pula syarikat milikan perkongsian bersama rakan niaga dengan milikan saham sebanyak 70.0 peratus.

Produk di bawah jenama Lafeira merupakan produk pertama dihasilkan menggunakan formulasi sendiri yang khusus digunakan untuk rawatan kulit. Memulakan perniagaan dengan berbekalkan modal sendiri, saya bersyukur perniagaan yang dibina makin berkembang. Produk yang dirumus khas untuk kulit sensitif. Lafeira yang dikilangkan di kilang bertaraf GMP (Good Manufacturing Product) di dalam negara dan menggunakan bahan aktif Tocotrienol dari kelapa sawit, Tocotrienol merupakan Vitamin E semulajadi dimana 40.0 hingga 60.0 peratus lebih efektif berbanding dengan Vitamin E lain di pasaran yang kebanyakannya berasaskan sintetik.

Walaubagaimanapun, pandemik yang melanda seluruh dunia turut memberi kesan ke atas syarikat saya dan ini merupakan antara cabaran yang

terpaksa saya hadapi. Namun begitu, saya bersyukur kerana perniagaan yang dijalankan masih lagi bertahan setelah enam tahun ia ditubuhkan. Sehingga kini, produk Lafeira telah di tempatkan di lebih 150 buah farmasi terpilih di seluruh Semenanjung Malaysia dan termasuk juga Sabah. Antara yang mampu membuatkan saya bertahan walaupun berhadapan dengan cabaran adalah sokongan daripada keluarga, ibu ayah dan juga suami tercinta yang banyak memberikan sokongan moral dan impak positif dalam menguruskan perniagaan saya. Pada pandangan saya, sokongan keluarga sangat penting dan merupakan tonggak inspirasi kejayaan. Selain itu, pengetahuan dan pengalaman adalah kunci kejayaan untuk menubuhkan sesuatu perniagaan. Disebabkan jumlah modal yang terhad, pentingnya pengurusan kewangan yang betul supaya syarikat dapat bertahan dalam jangka masa yang lama. Saya juga sering menghadirkan diri pada setiap persidangan tahunan untuk kajian kelapa sawit yang melibatkan peserta dari luar negara. Ini sangat membantu dalam menambah pengetahuan terutama kajian-kajian yang dihasilkan oleh para penyelidik dari luar dan dalam negara yang banyak memberi maklumat dan penemuan baru. Selain itu, saya juga melibatkan diri dalam program-program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan

husus untuk usahawan tempatan dalam mengukuhkan strategi pemasaran produk.

Sebagai majikan, saya juga turun padang untuk berjumpa sendiri dengan pelanggan supaya hubungan perniagaan kekal lama dan dapat bertukar idea dan pandangan dengan mereka. Walaupun pengurusan masa adalah cabaran utama terutamanya dalam menguruskan rumahtangga, saya tetap cuba “mencuri” masa untuk membuat lawatan ke farmasi dan klinik yang mengedarkan produk-produk saya. Bidang perniagaan pada hari ini amat mencabar dan perlulah seiring dengan arus semasa. Saya berpandangan, walaupun penggunaan media sosial dapat meningkatkan hasil jualan yang sangat ketara namun kaedah berjumpa secara “berhadapan” atau face to face lebih menyakinkan para pelanggan terhadap produk saya lebih-lebih lagi apabila berurusan dengan ahli farmasi dan doktor perubatan. Saya juga sering berjumpa dengan rakan-rakan dalam bidang farmaseutikal serta perubatan demi meluaskan lagi kajian dan pengetahuan mengenai kepentingan penggunaan Tocotrienol di Malaysia. Ini kerana produk Lafeira masih melalui beberapa kajian dalam teknologi perubatan moden.

Kepada sesiapa yang ingin

memulakan perniagaan saya menyeru untuk menggunakan identiti sendiri supaya perniagaan yang dijalankan lebih bertahan lama. Utamakan untuk mengusahakan produk yang berkualiti dan tidak merbahaya kepada pengguna terutamanya jika kita ingin menjadi usahawan berkaitan bidang kosmetik. Biarlah produk kita dikenali melalui maklumbalas pengguna bukan disebabkan teknik pemasaran yang banyak memokuskan pada identiti pemiliknya dan bukan produk yang dipasarkan. Kita juga perlu bijak mencari peluang dengan menghasilkan produk baru yang mempunyai konsep berlainan daripada usahawan sedia ada. Ia juga adalah kunci utama untuk membina kejayaan dalam sesuatu perniagaan. Usahawan juga perlu mempunyai pelan pengurusan kewangan sekurang-kurangnya untuk tempoh 3 tahun dan mempunyai “Risk Management” serta “backup plan” jika perniagaan menghadapi masalah secara tiba-tiba.

Akhir kata, saya berdoa dan berharap semoga pandemik yang melanda dunia akan berakhir dengan segera dan agar semua usahawan dan pelajar tabah menghadapi waktu yang getir ini. Mudah-mudahan kejayaan akan menjadi milik kita semua.